

Prosiding saman AS\$8b terhadap Najib, 7 individu ditangguh

Kuala Lumpur: Prosiding saman sivil dikemukakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terhadap Datuk Seri Najib Razak dan tujuh yang lain, ditangguhkan sehingga kes jenayah berkaitan penyelewengan dana syarikat pelaburan strategik negara yang dihadapi bekas Perdana Menteri itu diputuskan Mahkamah Tinggi.

Peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, ketika ditemui pemberita selepas prosiding pengurusan kes di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, berkata kedua-dua pihak bersetuju untuk menangguhkan prosiding saman sivil berkenaan.

Berikutan itu, Najib menarik balik permohonannya untuk menggantung prosiding itu yang sepatutnya didengar semalam.

Perkara itu disahkan peguam, Datuk DP Naban yang mewakili 1MDB dan empat anak syarikatnya, iaitu 1MDB Energy Holdings Limited, 1MDB Energy Limited, 1MDB Energy (Langat) Limited dan Global Diversified

Investment Company Limited selaku plaintif.

Prosiding pengurusan kes semalam dijalankan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman Atan Mustaffa Yusof Ahmad.

Dalam saman bagi menuntut dana 1MDB berjumlah AS\$8 bilion (kira-kira RM33.5 bilion) itu, syarikat terbabit menamakan Najib; bekas Pengarah Kewangan 1MDB, Terrence Geh Choh Heng; bekas peguam 1MDB, Jasmine Loo Ai Swan; bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Casey Tang Keng Chee; bekas Ketua Pengarah Pelaburan 1MDB, Vincent Beng; bekas Ketua Pegawai Operasi 1MDB, Radhi Mohamad; bekas Pengarah Pelaburan 1MDB, Kelvin Tan Kay Jim dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC International Sdn Bhd, Nik Faisal Ariff Kamil sebagai defendan.

Ia adalah salah satu daripada 22 saman sivil difailkan untuk menuntut lebih AS\$23 bilion (kira-kira RM96.3 bilion) bagi pihak 1MDB dan bekas anak syarikatnya, SRC

International, terhadap beberapa individu didakwa terbabit skandal kewangan itu.

Menerusi writ saman itu, semua plaintif antara lain mendakwa defendan melakukan pecah amanah, melanggar kewajipan statutori, menyalahgunakan kuasa, berkonspirasi serta menyeleweng dana 1MDB.

Najib, 68, sedang dibicarakan atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mendapatkan suapan RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Najib juga sedang dibicarakan bersama bekas CEO 1MDB, Arul Kanda Kandasany atas dakwaan menggunakan kedudukannya ketika itu untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadap beliau.